



KENYATAAN TAWARAN SEBUT HARGA TERBUKA

Tawaran adalah dipelawa kepada syarikat-syarikat yang berdaftar dengan **Kementerian Kewangan Malaysia** terbuka kepada semua bertaraf Bumiputera dan bukan Bumiputera dalam kod bidang seperti di bawah bagi menyertai sebut harga berikut:

Tajuk Sebut harga	Kod Bidang Pendaftaran	Tarikh Tutup Sebut harga	Taklimat Sebut harga
SEBUT HARGA PERKHIDMATAN PERLINDUNGAN SKIM INSURANS PENGHOSPITALAN DAN SURGERI, SKIM INSURANS HAYAT DAN SKIM INSURANS KEMALANGAN BERKELOMPOK BAGI PETUGAS TETAP 2023 NO. RUJUKAN : BER/SH/03/2023	221801 - Syarikat Insurans Atau 221802 - Broker	1 Mac 2023 (Rabu) jam 12.00 tengah hari Tawaran yang dihantar selepas jam 12.00 tengah hari pada tarikh tutup tidak akan dipertimbangkan	21 Februari 2023(Selasa) Kehadiran digalakkan

Dokumen sebut harga boleh didapati mulai tarikh **21 Februari 2023 (Selasa)** pada waktu taklimat.

Satu sesi **taklimat** akan diberikan kepada syarikat dan kehadiran syarikat adalah **digalakkan**. Hanya nama yang berdaftar dalam Sijil Akuan Pendaftaran Kementerian Kewangan dan/atau wakil perwakilan kuasa (**Surat perwakilan kuasa**) yang diturunkan oleh penama yang berdaftar yang sah sahaja dibenarkan menyertai sesi taklimat. Bagi syarikat yang tidak dapat menghadiri taklimat, boleh mendapatkan dokumen sebut harga di Bahagian Perolehan, Tingkat 6, Wisma BERNAMA atau membuat permohonan melalui emel kepada urusetia perolehan untuk mendapatkan salinan asal dokumen sebut harga. Taklimat akan diadakan seperti berikut:

Tarikh : 21 Februari 2023 (Selasa)
 Masa : 10.30 Pagi
 Tempat : Taklimat Atas Talian

Penyebutharga juga wajib membawa Sijil Kementerian Kewangan Syarikat yang masih aktif ketika menghadiri taklimat tersebut. Hanya Penyebutharga yang mempunyai kod bidang berkaitan sahaja layak menyertai sebut harga ini.

Penyebutharga perlu mengemukakan tawaran tersebut secara manual ke dalam peti sebut harga berserta dokumen-dokumen sokongan pada atau **sebelum jam 12.00 tengah hari, 1 Mac 2023 (Selasa)** alamat seperti berikut:

**Bahagian Perolehan
Tingkat 6, Wisma BERNAMA
28, Jalan BERNAMA,
Off Jalan Tun Razak,
50400 Kuala Lumpur
(u.p : Urus Setia Perolehan BERNAMA)
No Tel : 03-2631 1405
E-mel : maaruf@bernama.com**

Penyebutharga perlulah mengisi borang pengesahan kehadiran taklimat (**Borang Pengesahan Kehadiran Taklimat Sebut harga**) dan diemelkan kepada urusetia sebut harga seperti di atas selewat-lewatnya sebelum **21 Februari 2023 (Selasa) jam 10.30 tengah hari**.

Penyebutharga yang memerlukan sebarang penjelasan lanjut mengenai dokumen sebut harga bolehlah berhubung secara bertulis melalui surat rasmi yang pos/ e-mel kepada alamat di atas.

Tawaran Sebut harga yang lewat dikemukakan dan kelewatan menghantar dokumen sokongan seperti mana arahan sebut harga tidak akan dipertimbangkan.